



**MEMO**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN**  
**SEKSYEN SUMBER MANUSIA**  
**HOSPITAL UMUM SARAWAK**



<b>Rujukan</b>	<b>HUS.S.500-4/3/1 (30)</b>	<b>Tarikh: 8 Februari 2018</b>
<b>Tajuk</b>	<b>PENCALONAN PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG SERTA PINGAT PERINGKAT PERSEKUTUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN DAN NEGERI-NEGERI PERSEKUTUAN PERINGKAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI PENGANUGERAHAN TAHUN 2019</b>	
<b>Daripada</b>	<b>Timbalan Pengarah (Pengurusan)</b>	<b>Salinan:</b>
<b>Kepada</b>	<b>Seperti Edaran</b>	

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat (3)JKNSWK/S/SM-500/5/2 bertarikh 26 Januari 2018 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimajukan surat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia rujukan KKM.S.500-4/7/24 JLD. 3(83) bertarikh 19 Januari 2018 berkaitan perkara tersebut di atas untuk tindakan dan perhatian segera pihak tuan/puan selanjutnya.
3. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan dengan segera ke Unit Perkhidmatan, Seksyen Sumber Manusia, Hospital Umum Sarawak sebelum atau pada **23 Februari 2018 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Cik Hamasah binti Hassan di talian 082- 276785.
4. Adalah dimaklumkan bahawa Panel Penilaian Sumber Manusia peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan bermesyuarat pada 12 Mac 2018 (Isnin) manakala tarikh penghantaran pencalonan ke Kementerian Kesihatan Malaysia Bahagian Khidmat Pengurusan adalah sebelum atau pada 30 Mac 2018 (Jumaat).

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN BEKERJA BERPASUKAN”**

**(NORHIDAYAH BINTI MOHD. TAUFIK)**

*Tip/aa/hh-07022018*